

---

# **HARAKAH PADA ZAMAN PEMERINTAHAN MAHATHIR: PERANAN DAN CABARAN**

*Jeniri Amir*

Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia  
jamir@fss.unimas.my

*Hamed Mohd Adnan*

Universiti Malaya, Malaysia  
hamed@um.edu.my

---

## **ABSTRACT**

*Harakah*, an official political organ of Islamic Party of Malaysia (PAS) was established in 1987. Since its establishment, *Harakah* became the main alternative newspaper in Malaysia and was consistent in providing a counter discourse as compared to the role played by the mainstream media. In playing its role as a check and balance newspaper, *Harakah* had to encounter various challenges and obstacles from the powers-that-be. During the 22 years rule of Dr. Mahathir Mohamad as the Prime Minister of Malaysia, the strength of *Harakah* fluctuated depending on the freedom and control of media policy.

**Keywords:** *alternative newspapers; press freedom; Mahathir and media; political journalism*

## **PENDAHULUAN**

Akhbar alternatif mempunyai dasar dan falsafah editorial yang berbeza daripada akhbar arus perdana. Akhbar ini mempunyai perspektif yang berbeza dengan akhbar arus perdana, terutama berkaitan dengan politik, ekonomi dan dasar pemerintah. Memandangkan semua akhbar arus perdana tempatan dimiliki oleh entiti yang rapat hubungannya dengan kerajaan, maka *slant* pemberitaannya sering memberikan sisi positif kepada pemerintah dan pada masa yang sama cenderung memberikan sisi yang negatif kepada apa-apa jua pihak yang dilihat menentang kerajaan. Justeru dalam konteks Malaysia, akhbar alternatif muncul hasil penguasaan kerajaan terhadap media. Oleh itu, media yang memberikan sorotan yang berbeza dengan arus perdana dilihat perlu untuk merealisasikan kebebasan bersuara yang menjadi hak asasi manusia.

Para sarjana mengklasifikasikan demokrasi di Malaysia dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Crouch (1996) misalnya mengkategorikannya antara demokrasi dengan autoritarian, manakala Case (1993) menganggap demokrasi di Malaysia sebagai semi-demokrasi. Jesudason (1995) pula menyatakannya sebagai demokrasi statis, sementara Zakaria (1989) melihatnya sebagai quasi-demokrasi. Dalam sistem demikian, ruang demokrasi dipersempit melalui undang-undang dan bukan undang-undang, khususnya instrumen di bawah kawalan pemerintah seperti sektor perkhidmatan awam, kehakiman dan parti politik. Akhbar turut berhadapan dengan pelbagai kawalan undang-undang dan bukan undang-undang. Apakah kawalan dan sekatan yang dikenakan terhadap akhbar alternatif seperti *Malaysiakini* dan *Harakah*? Artikel ini akan membincangkan kemunculan peranan dan tanggungjawab media alternatif secara umum dengan fokus diberikan kepada *Harakah*. Sekatan undang-undang dan bukan undang-undang yang dihadapi oleh akhbar lidah rasmi PAS ini di bawah pemerintahan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad akan turut dibincangkan. Seterusnya, cabaran dan kawalan yang dihadapi oleh *Harakah* sejak awal penubuhannya turut dianalisis.

### **PERANAN AKHBAR ALTERNATIF: MELEBARKAN RUANG AWAM**

Media alternatif memainkan peranan sebagai saluran untuk mengungkapkan aspirasi, keprihatinan, dan kekecewaan kumpulan yang tertinggal atau diabaikan. Saluran sedemikian menjadi lebih penting kerana suara pembangkang atau wacana tandingan biasanya tertutup atau hanya diberikan ruang kecil dalam media arus perdana. Akhbar yang dimiliki kerajaan bertindak sebagai alat propaganda, terutama menjelang pilihan raya. Sepanjang tahun, akhbar-akhbar ini hanya melaporkan rancangan pemerintah dan kegiatan pemimpinnya yang memberikan imej dan reputasi positif kepada mereka (Mustafa 2004; Netto 2002; Zaharon 1991).

Oleh itu, media alternatif dapat menjadi wadah komunikasi pelbagai pihak, termasuk parti politik, asalkan tidak menjadi alat propaganda yang memanipulasi sentimen ras dan agama. Media ini hendaklah menjadi saluran untuk menjelaskan salah faham dan membina persefahaman atau konsensus (Netto 2002: 182). Netto percaya bahawa “rather than muzzling the media in divided societies, freedom of the press should be cherished so that the voices and views of all segments of society can get a just, rational, and reasonable airing in efforts to find common ground. We should have enough faith in the maturity of our people to allow them the space to express themselves that they so richly deserve” (Netto 2002: 183). Anggota teori demokratik seperti Milton umpamanya, menekankan peranan bebas media dalam menegakkan demokrasi dengan bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan. Akhbar menjalankan fungsi tersebut dengan memantau kegiatan kerajaan dan mengkritiknya jika berlaku penyelewengan atau pelanggaran (Gurevitch & Blumer 1990: 270).

Namun, pendapat alternatif yang dapat menggugat kedudukan kerajaan atau mempertikaikan dasar dan tindakannya tidak mungkin disiarkan dalam akhbar arus perdana. Kerajaan menganggap akhbar yang bebas akan menjejaskan kestabilan negara dan kepentingan umum (Jeniri 2008: 32). Jadi, had kebebasannya perlu dikawal. Akhbar arus perdana sebagai institusi masyarakat demokratis mempunyai hubungan paternalistik, bukannya yang berupa konflik atau perseteruan (Mustafa, 2004). Pola dan corak laporan dalam media arus perdana dan media alternatif menyerlahkan ideologi dan pola pemikiran atau pendirian pihak prokerajaan dengan pihak yang antikerajaan.

Akhirnya, muncul laporan bersifat pertentangan duaan atau dikotomi dalam dua jenis akhbar itu. Pertentangan duaan mengemukakan dikotomi antara dua pihak yang bertentangan dan sifatnya memberikan unsur positif kepada “kami” dan negatif kepada “mereka”. Dengan kata lain, pertentangan duaan melibatkan dikotomi betul/salah, baik/jahat, putih/hitam, dan sebagainya (Mustafa, 2004). Akhbar arus perdana menonjolkan imej positif kepimpinan Mahathir, manakala akhbar alternatif pula memaparkan imej yang negatif. Kedua-dua jenis akhbar tersebut umpama dua garisan selari yang sukar bertemu; sebaliknya bertembung dari segi idealisme dan falsafah perjuangannya. Disebabkan pola laporan yang demikian, pengkritik pemimpin utama kerajaan dan dasarnya, terutama parti pembangkang sentiasa menerima pelbagai tekanan. Dalam laporannya, Suaram (2004: 98) menyatakan seperti berikut:

They were constantly threatened with criminal or legal sanctions, and in some cases, the threats materialized in the form of arrest, detention and criminal prosecution... Censorship was heavily imposed on most forms of media, information flow and entertainment...The authorities took a paternalistic and undemocratic attitude toward censorship, treating its citizens with little regard for their maturity and intelligence, often citing as reasons for the suppression of free speech certain moral, community, religious and racial sensitivities.

Wacana dalam akhbar alternatif lebih merupakan hegemoni tandingan terhadap akhbar arus perdana. Akhbar alternatif merupakan mekanisme yang menyampaikan mesej politik yang berbeza dan bertentangan perspektifnya daripada media arus perdana. Dasar dan kandungannya lebih kritis, bebas, bersahaja, *bias*, malahan vokal dan bersikap popular, serta komersial, selain bersikap *anti-establishment* terhadap parti yang berkuasa (Hussein 2005). Kewujudan media alternatif yang berkecuali dan bebas daripada campur tangan politik akan memungkinkan khalayak mengetahui sisi lain daripada realiti sosiopolitik dalam negara kerana “perjuangan menubuhkan akhbar bebas, sebagai sumber maklumat tentang kegiatan pemerintah, dan sebagai wadah penyataan pendapat awam merupakan aspek penting perjuangan panjang sistem pemerintahan demokratik.” (Scannell & Cardiff 1991). Di Malaysia, kebanyakan media alternatif diterbitkan dalam bahasa Melayu; justeru fokus akhbar berkenaan adalah pada isu politik dan pergolakan parti politik Melayu seperti UMNO dan PAS.

Antara ciri media alternatif ialah (i) kalau yang disiarkan ialah realiti politik, maka komentar dan analisis tentang realiti tersebut mendapat bahagian atau tumpuan yang lebih banyak berbanding laporannya; (ii) mengungkapkan kaitan yang jelas antara penyiaran berita dan perspektif politik yang diamalkan oleh sidang pengarang; (iii) memperlihatkan sikap bangkangan dan perseteruan terhadap keputusan semua lembaga eksekutif yang dominan; dan (iv) cenderung menyiarkan peristiwa atau isu yang oleh media arus perdana dianggap tidak merupakan kelanjutan daripada peristiwa atau isu terdahulu (Ana Nadhya 1997: 148).

Jika dibandingkan dengan media arus perdana, dari segi modal, teknologi percetakan, kekuatan jabatan pengarang, rangkaian pemasaran, kekerapan penerbitan, edaran, pendapatan pengiklanan, dan jumlah halaman, media alternatif dapat dianggap sebagai media atau senjata orang yang lemah. Media arus perdana berperanan sebagai “senjata ideologi dan politik” elit pemerintah, terutama dalam keadaan apabila ia menanggapi atau berpendapat, sama ada betul atau salah, bahawa kedudukan politik dan kepentingannya

terhakis dengan teruk (Mustafa 2004: 492). Pihak kerajaan tidak memberikan peluang kepada suara kritis media massa kerana pertimbangan sosiopolitik semasa dalam negara, tanpa menyedari kesan dan implikasinya terhadap media arus perdana.

## POPULARITI DAN KESAN AKHBAR ALTERNATIF

Media alternatif berperanan sebagai wadah penimbal, penimbang, dan penapis kerana ia dapat membongkarkan ketempangan, kecuaihan dan kealpaan pemerintah dan masyarakat walaupun tindakan ini akan menimbulkan keresahan di pihak pemerintah. Perpindahan khalayak daripada media arus perdana berpunca daripada tindakan diskriminatif kerajaan terhadap media alternatif, khususnya terhadap lidah rasmi pembangkang dan akhbar tabloid yang dianggap propembangkang. Beberapa tindakan kerajaan terhadap akhbar alternatif bertukar menjadi senjata makan tuan apabila lebih ramai pembaca beralih kepada media alternatif. Kegagalan media arus perdana mengamalkan sikap profesional dan objektif menyebabkan rakyat hilang keyakinan terhadapnya.

Semenjak Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan pada September 1998, pendedaran dan penjualan akhbar arus perdana jatuh secara mendadak. Sebaliknya, *Harakah* mencatatkan jualan empat kali ganda daripada 70,000 naskhah kepada 280,000 naskhah. *The Sun* yang mula diterbitkan pada 1993 dan lebih seimbang laporannya mengalami peningkatan sirkulasi daripada 77,328 naskhah pada Jun 1997 kepada 82,474 pada Jun 1999. Dalam pilihan raya 1999, *The Sun* memperuntukkan 70 peratus daripada halamannya untuk laporan tentang Barisan Nasional, berbanding *New Straits Times (NST)* dan *The Star* 80 peratus (*Asiaweek*, 6 Okt 2000).

Secara perbandingan *NST* yang berusia 150 tahun mengalami kemerosotan yang ketara daripada 163,287 naskhah kepada 139,001 naskhah dalam tempoh yang sama. *Sunday Times* merosot daripada 186,918 naskhah kepada 161,948 naskhah (*Asiaweek*, 6 Okt 2000). Antara 1 Julai 1998 hingga 30 Jun 1999, *The Edge* melaporkan edaran akhbar dalam negara kecuali *The Star* telah menurun. Bagi tahun berakhir 30 Jun 1999, edaran *Berita Harian* menjunam sebanyak 9.04 peratus kepada 227,181 naskhah, manakala *Utusan Malaysia* 7.5 peratus kepada 247,617 naskhah, berbanding tahun sebelumnya (*Harakah*, 20 Dis 1999).

Sewaktu pilihan raya umum 1999, *Harakah* mencatatkan rekod yang paling tinggi, iaitu 380,000 naskhah—menjadikannya akhbar yang paling tinggi jualannya di negara ini (*Harakah*, 30 Disember 1999). Sehari sesudah berita *Harakah* diganggu oleh KDN, bilangan pembaca *Harakah* edisi Internet melonjak, menjadikannya laman web bukan perniagaan yang kedua paling popular di dunia selepas Laman Reformasi—sekali gus membuktikan bahawa tindakan KDN, apabila dibantu oleh teknologi pengkomputeran, telah membawa satu anjakan positif (Hishamuddin 2002: 14).

Dengan pergolakan dan perkembangan politik pada waktu itu, khalayak kelihatan semakin kritis terhadap media. Mereka tidak lagi menerima seadanya apa-apa yang dilaporkan, sebaliknya mereka bersifat analitis, menjadikan hegemoni pemerintah terhadap maklumat kian terhakis, terutama dalam kalangan kaum intelektual dan kelas menengah di bandar. Orang ramai dapat membezakan fakta dengan pembohongan atau fakta yang diputarbelitkan. Dengan sikap kritis itu, mereka berkemahiran dalam membaca makna yang tersirat hingga menyukarkan kerajaan melahirkan dominasi ideologi dalam kalangan rakyat.

Peningkatan minat yang ketara terhadap media alternatif bertitik tolak daripada dasar dan sikap terlalu memihak media arus perdana dalam melaporkan isu yang

berkaitan pemecatan dan skandal Anwar. Media arus perdana telah diperalat sehingga isi kandungannya tidak berasas dan semata-mata menyebelahi pihak pemerintah sehingga mencetuskan kemarahan rakyat. Kesabaran rakyat sampai ke kemuncaknya apabila akhbar berkenaan terus memesongkan berita untuk melindungi pihak pemerintah (SIRD 2000: 24). Corak laporan seperti itu menyebabkan kredibilitinya terhakis. “Kewibawaan media Malaysia berada pada paras terendah. Pembaca bersikap sinis dan mahukan lebih banyak laporan kritis, analisis dan ketelusan—bukan sekadar akur kepada kerajaan” (Zaharon 2000). Kehilangan kredibiliti itu, mengikut beliau adalah kerana corak laporan yang tidak profesional dan berat sebelah.

### **HARAKAH: MENCABAR DAN MERAGUI METANARATIF**

*Harakah*, lidah rasmi PAS mula diterbitkan pada 27 Mac 1987 sebagai menggantikan *Al-Harakah* yang dirampas oleh KDN kerana diterbitkan tanpa permit. Idea menerbitkan *Harakah* diasaskan oleh Subky Latif, bekas wartawan *Utusan Melayu* dan *Mastika* dan Nakhaie Haji Ahmad, Ketua Penerangan PAS Pusat pada waktu itu. *Harakah* beredar di pasaran seminggu sebelum Mukhtar PAS dilangsungkan dan ketika krisis teruk berlaku dalam UMNO dan menjelang Operasi Lalang 1987.

Sebagai lidah rasmi parti, matlamat *Harakah* bersifat politik demi memperjuangkan matlamat, dasar dan ideologi parti berkenaan meskipun turut memuatkan isu dan berita parti-parti lain. *Harakah* dijadikan wadah untuk rakyat yang menghadapi masalah dengan kerajaan. Menurut Nakhaie Haji Ahmad, tujuan penerbitan *Harakah* adalah untuk menampung pandangan PAS kerana pandangan PAS tidak diberikan ruang dalam akhbar lain, selain pandangan oleh akhbar lain itu tidak selari dan tidak seimbang dengan pandangan PAS. *Harakah* juga bermatlamat untuk memberikan pandangan kedua yang mendukung pandangan kerajaan, serta menerima kritikan dan pandangan orang lain terhadap PAS (Ashrab 1988), dan dalam proses tersebut sering mencabar dan meragui metanaratif.

*Harakah* boleh dilihat sebagai sumber kewangan parti. Bagi menarik perhatian pembaca dan meningkatkan jualan, akhbar itu lazimnya menyiarkan isu semasa dan isu nasional, terutama isu politik sebagai tajuk utamanya. Maka, walaupun sesuatu berita tidak mempunyai unsur yang diperjuangkan oleh parti, demi kepentingan komersial, berita itu tetap disiarkan pada muka hadapan (Ashrab 1988). Antara ketua pengarang yang pernah menerajui *Harakah* ialah Zin Mahmud, Ahmad Lutfi, Taufek Yahya, dan Suhaimi Mokhtar.

Dari segi kandungan editorial, selari dengan matlamat penerbitannya, *Harakah* mengamalkan dasar dan corak pemberitaan yang berbeza daripada media arus perdana. Sebagai lidah rasmi parti, *Harakah* mengutamakan objektif parti dengan menyiarkan kegiatan parti serta cuba menonjolkan imej positif tentang PAS. Lapornya lebih banyak menyiarkan kritikan terhadap kerajaan, khususnya UMNO, parti yang menjadi pesaing utamanya. Malah sebagai akhbar alternatif, *Harakah* melaporkan sesuatu yang tidak disiarkan dalam akhbar arus perdana, termasuk persoalan politik, agama, sosial, ekonomi, dan sebagainya.

*Harakah* cenderung memaparkan laporan tentang kepincangan kerajaan dan sebagai wadah mempertahankan diri dan menangkis segala kritikan dan laporan negatif akhbar arus perdana yang dikuasai kerajaan, selain saluran memaparkan dasar dan propaganda parti, termasuk rencana becok dakwah. Akhbar ini mempunyai kelebihan kerana diterbitkan dengan kadar yang agak kerap, sedangkan lidah rasmi parti lain pada amnya diterbitkan

sekali dalam sebulan atau tiga bulan. *Harakah* juga mempunyai jumlah wartawan dan editor yang relatif banyak, iaitu 20 orang serta sistem pemasaran yang relatif baik berbanding lidah rasmi parti-parti lain. Jumlah ini sudah meningkat berbanding hanya enam orang pada 1987 sebelum bertambah menjadi 13 orang pada 1988.

Dari segi pengedaran, *Harakah* tidak berhadapan dengan masalah besar kerana PAS mempunyai rangkaian pengedar yang terdiri daripada anggota dan cawangan PAS di seluruh negara. Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS dan rangkaian pengedarannya dianggap mampu menerbit dan mengedarkan *Harakah* (Zulkifli 2005; Hussain 2000: 214). Jumlah sirkulasi pada peringkat awal ialah sekitar 20,000, tetapi melonjak kepada 60,000 pada bulan Ogos, September dan Oktober 1987 ketika berlakunya krisis dalam UMNO, krisis kehakiman, dan ketegangan hubungan kaum dengan majoriti pembeli di Kuala Lumpur, Terengganu, Kelantan, dan Kedah.

Sambutan terhadap *Harakah* meningkat tahun demi tahun, selari dengan peningkatan jumlah anggota PAS. Ketika berlaku perpecahan dalam UMNO mengikut Team A dan Team B, *Harakah* terus mendapat sambutan. Dalam keadaan demikian, *Harakah* mengalami peningkatan edaran yang memberangsangkan. Masyarakat dan juga orang UMNO, terutamanya Team B mendapatkan *Harakah* bagi mengetahui sikap PAS terhadap mereka ketika pergolakan dalam UMNO berlaku (Hussain 2005: 216). Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) atau polis tidak banyak mengganggu atau memberi tekanan kepada *Harakah* pada waktu itu meskipun beberapa kali dirampas oleh pihak berkenaan. Bagaimanapun, Mohd Yusof Jalil, pengarang *Harakah* dari awal hingga 1989 mengakui bahawa beliau dan pemimpin PAS memang sentiasa dihantui oleh kerisauan tentang kemungkinan tindakan KDN “kerana peraturan atau undang-undang menyekat kebebasan bersuara memang ada dalam bidang tugasnya” (Hussain 2000: 218).

Pada 1990, pihak pengurusan *Harakah* memohon kepada KDN untuk menerbitkan *Harakah* dua kali seminggu, iaitu setiap Isnin dan Jumaat. Permohonan itu diluluskan dalam waktu yang singkat. Hussain (2000) menjelaskan bahawa tidak banyak gangguan daripada pihak KDN dan pemimpin UMNO semasa edaran *Harakah* di sekitar 60,000 hingga 70,000 naskhah. Apabila *Harakah* dicetak melebihi 80,000 naskhah, pihak KDN mula menguatkuasakan syarat-syarat untuk menghalang akhbar itu daripada dijual secara terbuka kepada umum. Namun, sejak 1991 lagi *Harakah* dan *Rocket* sebenarnya telah dikenakan syarat bahawa ia hanya boleh diedarkan kepada anggotanya sahaja. Arahan atau syarat KDN itu diabaikan oleh *Harakah* apabila akhbar itu terus dijual secara terbuka meskipun kemudiannya satu demi satu syarat yang lebih ketat dikenakan apabila krisis dan kredibiliti UMNO semakin teruk.

*Harakah* menjadi popular kerana meskipun dikenakan sekatan oleh kerajaan. Walaupun akhbar ini hanya dibolehkan untuk dijual kepada anggota PAS sahaja, akhbar tabloid dwimingguan itu turut dijual secara terbuka dan sesetengah penjual mengedarkannya secara bersembunyi bagi mengelakkan dikenakan tindakan, terutama menjelang pilihan raya. “Atas pelbagai alasan, *Harakah*, lidah rasmi PAS merupakan akhbar kesayangan rakyat Malaysia beberapa tahun lalu.” (Aliran, Dis 2000: 13-14). *Harakah* yang wujud pada hari ini ialah *Harakah* yang turut dibentuk oleh perkembangan sosiopolitik dan kematangan masyarakat, selain tekanan yang diterimanya sebagai media alternatif. *Harakah* hari ini wujud daripada sekatan-sekatan yang menghalang pandangan tertentu daripada berada di pasaran (Rozaid 2000).



Jika sebelum kes pemecatan Anwar, *Harakah* lebih bersifat sebagai lidah rasmi PAS dengan banyak menyiarkan berita tentang dasar dan kegiatan parti itu, tetapi ia menjadi kian popular, malah menjadi bacaan wajib pembaca menggantikan media arus perdana selepas kes Anwar memuncak. Hal ini disebabkan akhbar itu mempunyai keberanian untuk melaporkan berita yang tidak disiarkan atau yang cuba disembunyikan, diselewengkan dan diremehkan oleh akhbar arus perdana. *Harakah* menjadi nadi utama gerakan reformasi dan pembangkang dengan pendekatan yang lantang dan berterus terang. Ketika edaran dan populariti akhbar arus perdana merosot, *Harakah* mengambil kesempatan daripada krisis keyakinan khayalak, dan hal ini dibuktikan daripada edarannya yang meningkat dengan mendadak.

Kehadiran media alternatif, terutamanya *Harakah*, termasuk laman webnya tidak mungkin dapat diabaikan peranannya oleh kerajaan dan media arus perdana dalam proses delegimitasi dan penyebaran berita dan maklumat saingan, khususnya melalui penampilan struktur wacana tandingan awam yang bertunjangan “ideologi pembebasan” seperti demokrasi, hak asasi, keadilan, reformasi dan sebagainya. Wacana tersebut jauh lebih memiliki pesona berbanding “ideologi pembangunan” seperti perpaduan, kesatuan bangsa, kedaulatan negara, kestabilan sosiopolitik, dan pertumbuhan ekonomi yang didendangkan oleh media arus perdana.

Bagi khalayak—seperti yang berlaku terhadap media di Indonesia zaman Orde Baru Suharto—halangan terhadap dominasi pemaknaan oleh rejim penguasa mulai meluas. Masyarakat mampu melakukan *oppositional readings* yang membuat mereka berupaya melakukan *reading between the lines* mahupun *reading between the lies*, dan disebabkan itu tidak mudah tunduk kepada dominasi pemaknaan yang diupayakan oleh pemerintah (Hidayat et al. 2000: 7) dan media arus perdana. Dalam keadaan yang demikian, media alternatif terus mendapat tunjangan dan dukungan kuat dan akhirnya mengalahkan media perdana dari segi edaran dan kredibiliti.

*Harakah* menyaksikan peningkatan edaran yang ketara menjelang pilihan raya kecil Arau pada 1995 apabila edarannya mencecah 72,000 naskhah. Sesuai dengan kepesatan perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan untuk memperluas jangkauan khayalaknya yang celik komputer, terutama dalam kalangan generasi muda, *Harakah* turut membuka laman webnya sendiri, *Harakahdaily* pada bulan Ogos 1999, yang terbit selengkapnya pada Mac 2000. Halaman bahasa Inggeris turut diterbitkan pada tahun yang sama untuk menarik pembaca bukan Melayu dan kelas menengah Melayu. Kandungan ditumpukan pada persoalan demokrasi, kebebasan bersuara, nilai sejagat, dan persoalan lain, selain isu berkaitan Islam.

Peningkatan yang ketara berlaku pada zaman Reformasi apabila pada 1998 edarannya mencecah 380,000 naskhah—sekali gus mencipta sejarah dalam dunia persuratkhabaran tanah air. Itulah untuk pertama kali akhbar pembangkang pernah mencecah angka yang begitu tinggi, iaitu peningkatan 500 peratus, mengalahkan edaran akhbar-akhbar harian yang lain. Peningkatan itu dikaitkan dengan peningkatan jumlah anggota yang menyertai PAS selepas pemecatan Anwar dan memuncaknya gelombang reformasi. Peningkatan edaran *Harakah* turut memperlihatkan sokongan orang Melayu terhadap PAS yang meningkat berkali ganda ketika sokongan terhadap UMNO semakin merosot. Keputusan pilihan raya umum 1999 membuktikan hakikat ini apabila PAS menambahkan majoriti kerusi dan undi popular, selain berjaya merampas Terengganu daripada UMNO. PAS memenangi 29 kerusi Parlimen, sementara UMNO hanya memenangi 71 kerusi, berbanding 97 kerusi yang dimenanginya dalam pilihan raya 1995. *Harakah* sebenarnya turut menyumbang terhadap

prestasi tersebut. Itulah sebabnya beberapa peristiwa menarik berlaku pada awal tahun 2000. Pada 13 Januari 2000 Zulkifli Sulong, pengarangnya telah didakwa di bawah Akta Hasutan. (*Massa*, 22 Jan 2000).

Sebelum Reformasi, anggota PAS hanya sekitar 450,000, namun terus melonjak kepada 800,000 selepas tercetusnya Reformasi, termasuk mereka yang keluar dari UMNO dan mereka yang tidak memasuki mana-mana parti sebelumnya. Dengan mengambil kira bahawa jualan dua buah akhbar bahasa Inggeris utama, *NST* dan *The Star* masing-masingnya hanya sekitar 200,000 naskhah, maka *Harakah* dapat dianggap sebagai akhbar *de facto* selepas kejatuhan Anwar (Hwang 2003: 320).

Peningkatan edaran yang begitu drastik berpunca daripada kesedaran orang ramai betapa perlunya saluran maklumat alternatif, berikutan akhbar utama tidak memberikan maklumat yang tepat dan adil. "Rakyat mencari alternatif. Mereka terjumpa pilihan, Internet dan *Harakah*. Sebab itulah, homepage *Harakah* turut mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan, di samping *Harakah* sendiri," kata Zulkifli Sulong ketua pengarangnya ketika itu. Bagi menghadapi cabaran alaf baharu, *Harakah* mahu mempertahankan sirkulasinya dan ingin muncul sebagai akhbar harian yang disegani, mantap dan dihormati. Caranya adalah dengan meningkatkan kualiti persembahan walaupun mengakui sukar selagi pemerintah yang ada terus berkuasa (Zulkifli 1999: 26).

Walau bagaimanapun, angka itu memperlihatkan trend edaran yang merosot apabila hanya mampu dijual 250,000 pada tahun 2000 sebahagiannya kerana semangat reformasi dan menentang kerajaan semakin kendur dalam kalangan rakyat. Kemerosotan itu juga berpunca daripada pengurangan kekerapan penerbitannya daripada lapan atau sembilan kali sebulan kepada hanya dua kali sebulan mulai Mac 2000 sehingga menyebabkan akhbar itu hilang momentum.

Tindakan mengenakan pelbagai syarat kepada *Harakah* termasuk mengurangkan kekerapan dan hanya membenarkan akhbar itu dijual kepada anggota PAS merupakan percubaan UMNO untuk menyekat pengaruh akhbar itu dan PAS. KDN turut mengeluarkan arahan agar penjual *Harakah* tidak mempamerkan atau menjual *Harakah* secara terbuka. *Harakah* hanya boleh dijual di markaz dan di cawangan PAS yang berdaftar sahaja. Pihak penguat kuasa KDN dan polis telah merampas naskhah *Harakah* yang dijual di kaki lima, gerai, dan kedai. Tindakan KDN menyekat orang ramai membeli dan membaca *Harakah* tidak mendatangkan kesan. Walau bagaimanapun, akhbar *Harakahdaily* tidak pula dikenakan tindakan atau diganggu oleh kerajaan.

Namun, dengan edaran melebihi 370,000 naskhah setiap keluaran dan jumlah pembaca mencapai lebih sejuta orang, *Harakah* dapat dianggap sebagai akhbar alternatif yang paling berpengaruh sebelum dan selepas krisis 1998 dan pilihan raya umum 1999. Disebabkan populariti dan pengaruh *Harakah* dalam pilihan raya 1999, maka KDN mengeluarkan arahan hanya membenarkan akhbar itu sebagai akhbar dwibulanan, bukannya dwimingguan seperti sebelumnya mulai 1 Mac 2000.

Tindakan KDN itu telah dikritik hebat oleh pemimpin PAS dan tokoh parti alternatif seperti Rustam A. Sani, Ezam Mohd Noor, Saifuddin Nasution dan pemimpin DAP. Solat hajat dan tunjuk perasan diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Masjid Derga, Alor Setar pada 3 Mac 2000 kerana membantah tindakan KDN itu (Hussain 2000: 223). Dalam ucapan Perbahasan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat pada 7 Mac 2001, Husam Haji Musa, Anggota Parlimen (PAS-Kubang Krian) memohon agar kerajaan mengkaji semula



permit *Harakah* untuk terbitan dua kali seminggu "bagi menyumbangkan kepada pemikiran alternatif." Timbalan Perdana Menteri (TPM) merangkap Menteri Dalam Negeri, Abdullah Badawi mengemukakan pelbagai sebab *Harakah* perlu dikurangkan kekerapan penerbitannya. Beliau memberitahu bahawa tujuannya adalah untuk menyeragamkan kekerapan penerbitan akhbar-akhbar parti politik. Menurut beliau, pertimbangan itu dibuat kerana *Harakah* bukanlah sebuah akhbar harian, tetapi hanya akhbar parti yang diedarkan kepada anggota parti. Abdullah mendakwa bahawa keputusan itu bukanlah satu keputusan yang luar biasa kerana selepas ini semua parti politik hanya akan diberikan permit bagi penerbitan dua kali sebulan. Beliau juga mendakwa bahawa keputusan itu tidak bermotif politik tertentu, tetapi sebaliknya hanya mengikut peraturan biasa.

Persoalannya, mengapakah baru pada waktu itu peraturan itu diwujudkan? Adakah hanya kerana UMNO juga hendak menerbitkan akhbar rasminya dua kali sebulan, maka *Harakah*, *Rocket*, dan *Keadilan* dipaksa mengikuti jejak langkah suara UMNO itu? (Hussain 2000: 213). Mengikut Husam, hujah Abdullah Badawi bahawa permit dua kali sebulan diberikan supaya selaras dengan penerbitan buletin parti UMNO adalah tidak logik dan tidak munasabah. "Kalau UMNO boleh bertelur sebiji, pasal apa kita kena ikut UMNO bertelur sebiji, kalau kita ada kapasiti bertelur lebih, kita bertelur lebih..." (Husam 2001: 33). Pengurangan kekerapan penerbitan hanya dua kali seminggu dan menghadkan jualan di tempat tertentu merupakan strategi dan langkah UMNO dan kerajaan untuk membendung pengaruh dan populariti *Harakah* dan PAS yang melonjak menjelang pilihan raya umum 1999.

Jadi, bagi UMNO dan kerajaan, senjata tajam PAS itu perlu ditumpulkan untuk mengelakkan imej UMNO dan kerajaan bertambah buruk. Hal ini kerana sesuai sebagai lidah rasmi pembangkang, *Harakah* cenderung mendedahkan laporan negatif terhadap kerajaan. Tindakan itu semakin penting kerana hegemoni politik UMNO telah terhakis setelah majoritinya merosot dengan hanya meraih 71 kerusi berbanding 91 kerusi yang dimenangnya dalam pilihan raya umum 1995. Sebenarnya tahun 1999 memperlihatkan kecenderungan baharu dan titik peralihan dalam politik negara apabila pengundi Cina muncul sebagai faktor signifikan dalam menentukan kemenangan UMNO dan BN, sementara pengundi Melayu lari daripada UMNO.

Hakikat bahawa pihak kerajaan hanya memberi perhatian terhadap akhbar seperti *Harakah* ketika berlaku krisis atau menjelang pilihan raya terbukti apabila isu tentang akhbar itu langsung tidak pernah disinggung oleh mana-mana pemimpin selepas pilihan raya 1999 dan 2004 lama berlalu. Malah isu tentang penjualan terbuka tidak lagi diambil peduli selepas itu. Malah, selepas keadaan reda *Harakah* dijual bersama-sama akhbar arus perdana di rak terbuka di seluruh negara. Bagaimanapun, isu ini pasti akan berulang lagi menjelang pilihan raya umum yang lain atau jika terdapat "salah laku dan dosa besar" yang ditanggapi mampu mengaibkan pihak pemerintah, khususnya UMNO.

Selain itu, *Harakah* juga dikenakan tindakan hanya dibenarkan untuk diedarkan dalam kalangan anggota PAS sahaja. Langkah ini dapat dianggap langkah mengurangkan kesan dan pengaruhnya, selain memberikan tekanan kepada sumber kewangan parti. Dengan mengambil kira bahawa keuntungan bersih bagi setiap naskhah ialah 50 sen selepas ditolak kos-kos lain, termasuk dalal pengedar, pada waktu puncak, keuntungannya sebulan ialah sekitar RM1.6 juta sebulan. Dengan itu, dari segi edaran, pengeluarannya telah dikurangkan sebanyak 75 peratus. Tetapi *Harakah* bertindak balas secara pragmatik dengan meningkatkan jumlah halaman dan harga bagi memastikan keuntungannya tidak terjejas. Selepas arahan

tersebut, edaran *Harakah* adalah sekitar 250,000 hingga 300,000 naskhah (*Tamadun*, Feb 2000).

Mengikut kerajaan, tindakan itu diambil kerana *Harakah* telah melanggar syarat bahawa akhbar itu adalah untuk anggota PAS sahaja. Tetapi kerajaan mendapati bahawa *Harakah* dijual secara terbuka kepada umum.<sup>1</sup> Selain itu, kerajaan menyatakan, tindakan itu perlu supaya selaras dengan kekerapan pengeluaran lidah rasmi parti lain (Mustafa 2004: 13). Mengikut Zulkifli (2005) sekatan itu diambil atas dua sebab, iaitu faktor masyarakat dan faktor politik. Dari segi masyarakat, kerajaan mendapati bahawa *Harakah* mempunyai pengaruh yang kuat apabila mendapat sambutan menggalakkan daripada pembaca, terutama dalam kalangan masyarakat Melayu. Dari segi politik, sokongan masyarakat terhadap *Harakah* adalah sebagai bukti kemarahan mereka terhadap kerajaan kerana cara mengendalikan kes Anwar yang dianggap keterlaluan dan mengaibkan seorang pemimpin yang pernah berjasa kepada UMNO dan negara. Jadi, jalan terbaik adalah dengan menyekat *Harakah* daripada terus melebarkan pengaruhnya.

### **HARAKAH: CABARAN DAN KAWALAN**

*Harakah* berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah. Antaranya ialah tiada latihan staf atau penataran kemahiran dan ilmu yang sistematik, kualiti laporan dan mutu penerbitan yang rendah, gaji wartawan yang rendah, dan rangkaian pengedaran yang lemah dan terbatas, berbanding media arus perdana. Tidak ada pihak yang berminat menyuntik modal, berpunca daripada kesedaran bahawa permit penerbitannya boleh ditarik balik pada bila-bila masa. *Harakah* juga berhadapan dengan masalah sukar mendapatkan kerjasama sumber, misalnya tidak boleh menghadiri sidang media anjuran pihak jabatan kerajaan. Pemimpin UMNO dan pegawai kerajaan enggan diwawancara atau dikutip pendapat mereka.

Pada zaman Reformasi, Ketua Pengarangnya mengakui bahawa jabatan editorial berada dalam keadaan serba salah dan sukar. Pihak *Harakah* sering dipanggil ke pejabat KDN, kadangkala dengan anggota Lembaga Pengarah bagi kes yang dianggap serius. Sesi pertemuan itu biasanya turut dihadiri pegawai kanan KDN dan polis Bukit Aman. Pihak KDN menuntut agar *Harakah* benar-benar dijadikan lidah rasmi parti apabila melaporkan isu pemecatan pensyarah Universiti Malaya, Dr. Chandra Muzaffar.

KDN turut memanggil pihak *Harakah* atas alasan akhbar itu dijual di merata-rata tempat. Ia tidak membenarkan *Harakah* dijual bersama-sama dengan akhbar lain kerana *Harakah* ialah lidah rasmi parti. Justeru, KDN meminta *Harakah* membuat rak khas. Untuk tujuan itu, pihak *Harakah* dan penjual terpaksa membelanjakan sekitar RM80,000. Ironinya, langkah itu mendatangkan dampak positif apabila jualan *Harakah* meningkat. Apabila menyedari kesan berkenaan, KDN pun hanya membenarkan *Harakah* dijual di markas dan pejabat parti, namun arahan tersebut tidak dipatuhi kerana dianggap tidak adil dan keterlaluan (Zulkifli 2005). Dalam keadaan demikian pihak Cawangan Khas sering mengugut dan mengancam penjual *Harakah*. Penjual bukan Melayu biasanya menjadi sasaran kerana mereka tidak mungkin anggota PAS kerana mengikut syarat hanya anggota PAS yang boleh menjualnya.

Permit untuk menerbitkan *Harakah* berakhir pada 28 Februari setiap tahun. Selepas UMNO tidak lagi mendapat sokongan kuat daripada rakyat, kerajaan bertindak mengenakan

<sup>1</sup> Malahan, seorang ketua cawangan UMNO di Kelantan telah pun membuat aduan polis di Kota Bharu berhubung dengan “perlanggaran” permit akhbar itu yang tidak membenarkannya dijual secara terbuka. Lihat laporan *Berita Harian*, 11 Jun 1992, hal. 2.

tekanan terhadap *Harakah*. Permit penerbitannya tidak diperbaharui tanpa alasan, sehingga “pihak pengurusan *Harakah* menunggu surat izin baharu bagi tahun 2000 daripada KDN dengan amat cemas sekali kerana edisi Jumaat 3 Mac 2000 itu perlu dicetak dua hari sebelumnya.” (Hussain 2000: 211). Hanya pada akhir Mac 2000 barulah pihak *Harakah* diberitahu bahawa permit diluluskan dengan syarat menjadi akhbar dwimingguan. Strategi melengah-lengahkan kelulusan itu membayangkan dilema yang dihadapi oleh KDN dan pemerintah dalam memikirkan tindakan dan keputusan yang terbaik untuk dirinya, sekali gus memberi tekanan kepada *Harakah* dan PAS. Pada waktu yang sama, kerajaan sedar ia tidak boleh mengambil tindakan yang ekstrem terhadap akhbar itu, kerana bimbang akan kemungkinan reaksi keras daripada penyokong PAS dalam keadaan suhu politik yang bergelora.

Kerajaan Mahathir terpaksa mengambil langkah yang drastik bagi mengembalikan kerelevanan dan hegemoni UMNO yang didapati bersaing hebat dengan PAS. Tindakan itu merupakan strategi kerajaan untuk menyekat atau mengurangkan pengaruh *Harakah*. Mengikuti Mahathir tindakan itu diambil sebagai “hukuman” kepada *Harakah* kerana melanggar syarat permit penerbitannya dengan menjual akhbar itu secara terbuka, meskipun telah diberi amaran banyak kali oleh KDN.

Dalam pada itu, meskipun laporannya cenderung mengkritik kerajaan, hal ini tidaklah pula bermakna bahawa *Harakah* dapat mengkritik sesuka hati tanpa batasan. Memetik kata-kata Pengarangnya, Ahmad Lutfi Othman, “*Harakah* juga menghadapi tekanan batin yang amat menyeksakan” kerana sesuatu isu mengenai kemungkaran pemerintah hanya dapat dibongkar sepintas lalu sahaja. Jika editor mendedahkan segala kebenaran, ia takut permit penerbitannya ditarik balik tanpa amaran. Untuk itu, pengarangnya terpaksa mengekalkan *Harakah* dalam keadaan yang tidak terlalu menyerang kerajaan, atau lebih tepat lagi dalam keadaan yang lemah dan tidak menggugat kerajaan UMNO (Ahmad Lutfi 1993: 13).

Sebenarnya, seperti akhbar arus perdana, pengarang dan wartawan lidah rasmi PAS itu juga berhadapan dengan cabaran yang serupa dari segi kawalan operasi. Mereka juga perlu melakukan kawalan dalaman sebagai mekanisme saringan editorial. Mereka perlu memenuhi agenda dan matlamat pemilik atau penaungnya. Falsafah bahawa lidah rasmi parti berperanan sebagai alat promosi, propaganda, dan hamba parti menyebabkan ruang bergerak dan melakukan wacana terbuka terbatas. Biasanya editor ditegur supaya mencari dan menggunakan perspektif yang lebih lunak. Isu yang membangkitkan kontroversi adalah apabila Ahmad Lutfi menyiarkan berita bagaimana anak Mahathir menggunakan alamat Sri Perdana dalam perkara yang berkaitan dengan perniagaan. Walhal, wacana bebas untuk membincangkan kepentingan dan kemajuan parti perlu juga dibenarkan untuk dibincangkan melalui organ parti (Ahmad Lutfi 2005).

Sedar akan hakikat bahawa *Harakah* merupakan lidah rasmi parti, Ahmad Lutfi tidak menyalahkan pihak pengurusan. Sebaliknya, dia menganggap dirinya sebagai bukan petugas parti yang baik. “Saya faham bahawa *Harakah* ialah organ parti, tetapi keputusan kita sebagai editor selalu bercanggah dengan kehendak kita sebagai petugas parti. Sebagai petugas parti saya sedar saya perlu mendukung kepentingan dan strategi parti (Ahmad Lutfi 2005). Dari segi ini, pengarang organ parti berada dalam keadaan yang serupa dengan pengarang media arus perdana. Mereka tidak boleh mengkritik dasar parti sewenang-wenangnya, meskipun

akhbar alternatif sering mengkritik bahawa akhbar arus perdana dikongkong dan tidak mempunyai kebebasan.

## KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa salah satu sumbangan besar gerakan Reformasi ialah kesedaran akan pentingnya prinsip kebebasan media di negara ini. Terdapat pertarungan sengit antara media arus perdana yang menjadi wadah pemerintah dengan media alternatif. Meskipun terdapat pelbagai sekatan dan kawalan, termasuk dari segi undang-undang, namun masih terdapat individu yang gigih menerbitkan media alternatif untuk rakyat yang kehausan maklumat yang telus dan adil tentang peristiwa yang berlaku ketika itu.

Sebenarnya, akhbar alternatif mempunyai ruang yang agak terbuka untuk mengkritik kerajaan. Dalam keadaan biasa kelihatannya, kerajaan tidak begitu mengambil peduli akan laporan dalam akhbar alternatif. Banyak laporan dalam *Malaysiakini*, *Harakah* dan akhbar dalam talian lain begitu provokatif dan negatif terhadap kerajaan. Bagaimanapun, ruang awam dan kebebasan yang dinikmati oleh akhbar alternatif itu cuba dibataskan, terutama jika isu itu menarik perhatian umum dan menjadi terlalu panas atau ketika keadaan politik tidak begitu stabil dan juga menjelang pilihan raya.

Kawalan kerajaan adalah dalam bentuk perintah halus seperti peringatan dan amaran hinggalah tindakan keras seperti menggantungkan atau menamatkan permit penerbitan, yang menyaksikan penamatan riwayat penerbitan berkenaan. Yang jelas, institusi kerajaan seperti pihak KDN, polis, Jabatan Penerangan, dan anggota politik pemerintah berganding bahu secara bersepadu secara bermusim, tertakluk kepada keadaan politik UMNO dan kerajaan untuk memastikan media suara alternatif tidak tertlalu bebas dan nyaring sehingga dapat menggugat imej dan kedudukannya.

Kesimpulannya, selain masalah kekurangan modal, syarat pembaharuan permit penerbitan yang ketat, edaran yang tidak meluas dan hanya dibataskan kepada anggota parti di pejabat dan cawangan parti sahaja, kekerapan penerbitan yang dihadkan sekali dalam dua minggu dan sifatnya bukan sebagai akhbar harian telah menjejaskan keberkesanan akhbar itu.

## RUJUKAN

- Abrar, Ana Nadhya. 1992. *Pers Indonesia berjuang menghadapi perkembangan masa*. Yogyakarta: Liberty.
- Case, William. 1993. Semi-democracy in Malaysia: Withstanding the pressure for regime change. *Pacific Affairs*, Vol. 66: 183-205.
- Crouch, Harold. 1996. *Government and society in Malaysia*. New York: Cornell University Press.
- Gurevitch, M & J.G. Blumler. 1990. Political communications systems and democratic values. Dlm. J. Lichtenberg (ed.), *Democracy and the mass media: a collection of essays*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hachten, W.A. 1987. *The Third World News Prism: Changing Media, Clashing Ideologies*. Ames: Iowa State University Press.
- Hishamuddin Rais. 2002. *Pilihan raya atau pilihan jalanraya*. Kuala Lumpur: Kinibooks.
- Hussain Mohamed. 1993. *Politik Melayu masa kini: beberapa isu dan permasalahan dalam penulisan popularnya*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Hussain Mohamed. 2002. Yang benar dan yang palsu: gejala globalisasi dan media alternatif dalam politik Malaysia mutakhir. Dlm Abdullah Hassan (peny.) *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amr. 2008. Akhbar zaman Mahathir: Antara kebebasan dengan kawalan. Tesis PhD. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Jesudason, J.V. 1985. Statist democracy and the limits of civil society in Malaysia. *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, 33 (3): 335-56.
- Mustafa K. Anuar. 2004. Muzzled? The media in Mahathir's Malaysia. Dlm Welsh, Bridget (ed.). *Reflections: The Mahathir Years*. Washington: SAIS.
- Netto, Anil. 2002. Media freedom in Malaysia: the challenge facing civil society. *Media Asia*. Vol. 29. No 1.
- Suaram 2004. *Malaysia: Human Right Report 2003*. Kuala Lumpur: Suaram.
- Zaharon Nain. 1991. Politics, economics and the media in Malaysia. *Media Development*. 38 (3): 39-42.
- Zakaria Ahmad. 1989. Malaysia: Quasi-democracy in a divided society. Dlm. Damond Linz & Liopset (ed.). *Democracy in developing countries. Vol. 3: Asia*. Colorado: Lynne Rienner.